

Dr. Mahathir dilantik penasihat khas Proton

Um - 15/4/2004 w/s: 21

KUALA LUMPUR 14 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan dilantik sebagai penasihat khas Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton).

Sebagai penasihat Proton, beliau akan membantu syarikat pengeluar kereta nasional itu mencari rakan kongsi asing yang sesuai.

Mahathir yang menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Oktober lalu memberitahu Reuters dalam satu temubual bahawa beliau telah diminta membantu syarikat tersebut.

Beliau berkata, Khazanah Nasional Bhd. yang merupakan pemegang saham utama (dengan penguasaan 43 peratus ekuiti) Proton telah diberitahu tentang pelantikan tersebut.

"Tiada siapa membuat peng-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

umuman (mengenai pelantikan itu) tetapi baru-baru ini kerajaan telah menulis memaklumkan kepada Khazanah bahawa kini saya adalah penasihat kepada Proton," kata Mahathir yang juga merupakan penasihat syarikat minyak ke-

bangsaan, Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas).

Sumber-sumber pasaran pula memberitahu, Khazanah sedang berusaha mencari rakan kongsi asing bagi Proton untuk meningkatkan tahap daya saing syarikat itu di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, cabang pelaburan kerajaan Malaysia itu dikatakan bercadang untuk membenarkan syarikat pengeluar kereta asing memegang hingga 20 peratus ekuiti dalam Proton.

Langkah tersebut dikatakan akan membolehkan syarikat asing berkenaan menggunakan platform pengeluaran Proton di samping membantu memasarkan kereta Proton di luar negara menggunakan rangkaian pengedarannya.

Tindakan khazanah menambah pemilikan ekuitinya sebanyak 4.3 peratus selepas membelinya daripada Mitsubishi

Motors Corp. (MMC) akhir bulan lalu menunjukkan ia mahu kekal menguasai Proton tetapi pada ketika yang sama mahukan penyertaan asing, kata sumber itu lagi.

MMC yang sedang menghadapi masalah mengambil tindakan menjual keseluruhan kepentingannya sebanyak 7.9 peratus dalam Proton melalui satu rombakan dalaman syarikat itu.

Syarikat induk MMC, Mitsubishi Corp. bagaimanapun terus mengekalkan pegangannya sebanyak 7.9 peratus dalam Proton.

Baru-baru ini Proton dan Rover telah mencapai persetujuan untuk meneroka peluang kerjasama.

Dalam perkembangan berkaitan, agensi berita AFP melaporkan, pengeluar kereta terkemuka dunia, General Motors menafikan laporan yang kononnya ia sedang mengadakan

perbincangan untuk membeli ekuiti dalam Proton.

"Ia adalah tidak benar sama sekali," kata Pengurus Perhubungan Media syarikat itu Henry Wong yang berpengkalan di Singapura.

Bagaimanapun agensi berita itu memetik Wong sebagai berkata, terdapat perbincangan antara Proton dan GM Daewoo di Korea Selatan untuk kerjasama produk dan kejuruteraan tetapi ia masih di peringkat awal.

Proton mempunyai simpanan lebih RM3 bilion tunai tetapi syarikat Lotus miliknya di Britain dilaporkan menghadapi masalah kewangan dengan kerugian dijangka mencapai RM800 juta.

Proton dalam kenyataannya kepada Malaysia Securities Exchange Bhd. (MSEB) Selasa lalu menafikan laporan bahawa ia merancang untuk menjual syarikat Britain itu.